

23 NOV 1996

PAS SEDIA RUNDING DENGAN UMNO, KATA FADZIL NOOR

PULAU PINANG, 23 Nov (Bernama) -- PAS bersedia untuk berunding "pada bila-bila masa" dengan UMNO ke arah membentuk kerajaan campuran di Kelantan tetapi parti itu tidak akan menjadi komponen Barisan Nasional (BN), kata Yang Dipertua PAS Haji Fadzil Noor.

Katanya cadangan untuk menganjurkan rundingan bukanlah isu baru malahan ia telah diperkatakan sejak dulu lagi bagi mencari jalan untuk menyatukan umat Islam di negara ini.

Beliau memberitahu Bernama di sini, PAS akan bersikap tunggu dan lihat mengenai perkembangan dan kemelut kerajaan negeri Kelantan sekarang kerana pergolakan kerajaan itu berpunca daripada tindakan bekas pemimpin parti Semangat 46.

"Kita bersedia untuk bekerjasama dengan UMNO bagi membentuk kerajaan campuran tetapi jangan fikir kita akan menyertai BN bagi membolehkan pembentukan kerajaan campuran itu," kata beliau.

Fadzil berkata saranan agar PAS menerima cadangan kerajaan campuran tanpa mengenakan syarat adalah sesuatu yang mustahil kerana pembentukan kerajaan campuran memerlukan perjanjian bersama dan setiap perjanjian sudah tentu mempunyai syaratnya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam dilaporkan berkata Umno belum membuat sebarang keputusan mengenai cadangan itu dan ia perlu dibawa ke mesyuarat Majlis Tertinggi parti.--BERNAMA

AA MAI